



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

# **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 17 / 2021**

## **PEMAKLUMAN HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA KE-15**

1. Untuk Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Melaka ke-15, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menetapkan tarikh **Hari Penamaan Calon** adalah pada **8 November 2021 (Isnin)**.
  
2. Pada Hari Penamaan Calon, kertas penamaan calon boleh dikemukakan bermula dari **jam 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi** kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya di **28 Pusat Penamaan Calon** yang berkenaan oleh pihak-pihak seperti berikut:
  - a. calon, pencadang dan penyokong;
  - b. mana-mana dua orang daripada mereka; atau
  - c. mana-mana seorang daripada mereka.
  
3. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRU DUN Melaka ke-15, agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat

Pilihan Raya Negeri Melaka sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu bakal-bakal calon juga adalah disarankan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Perlu diingatkan bahawa resit pembayaran tersebut hendaklah dibawa pada Hari Penamaan Calon sebagai bukti bayaran. Ini adalah bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.

4. Bagi calon yang mewakili mana-mana parti politik, adalah diingatkan bahawa surat kebenaran untuk menggunakan simbol parti yang diwakili hendaklah dikemukakan semasa menyerahkan Kertas Penamaan Calon.
5. SPR berharap agar proses penamaan calon berjalan lancar tanpa apa-apa insiden tidak baik, khususnya yang boleh mengganggu ketenteraman awam. SPR menyeru kepada semua calon dan parti-parti politik yang terlibat agar sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada Hari Penamaan Calon.
6. Hanya calon, pencadang calon dan penyokong calon dibenarkan masuk ke pusat penamaan calon. Penyokong-penyokong parti politik yang diwakili oleh bakal-bakal calon tidak dibenarkan hadir ke pusat penamaan calon. Aktiviti berkumpul dan perarakan oleh

penyokong calon bertanding juga tidak dibenarkan di mana-mana tempat sepanjang Hari Penamaan Calon.

Sekian, terima kasih.

**DATUK IKMALRUDIN BIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 7 November 2021 / 2 Rabiulakhir 1443H